

29 DEC 1999

Adnan-Umno

DR MAHATHIR WAJAR TERUSKAN SELAKU PRESIDEN UMNO

KUANTAN, 29 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad wajar meneruskan kepimpinannya selaku Presiden Umno dan Perdana Menteri memandangkan beliau masih mampu serta mempunyai idea yang bernas, kata Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini.

Adnan yang juga Ketua Penerangan Umno Negeri berkata Pahang menyokong penuh supaya Dr Mahathir meneruskan kepimpinannya itu dan berpendapat dalam Umno sekarang, soal mempertahankan jawatan Presiden itu tidak timbul.

"Masalah bagi seseorang pemimpin ialah jika dia lemah dan tak ada idea tetapi bagi Dr Mahathir, beliau masih cergas dan sentiasa mempunyai idea bernas," katanya semasa ditemui pemberita selepas persidangan Dewan Undangan Negeri di sini.

Semalam, Perdana Menteri berkata beliau akan mempertahankan jawatan Presiden Umno jika dicalonkan semula pada pemilihan parti itu yang dijadualkan tahun depan.

Dr Mahathir mengekalkan jawatan itu tanpa bertanding sejak selepas pemilihan Umno 1987.

Adnan turut menyambut baik kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa kerajaan pusat akan memotong peruntukan kewangan kepada negeri-negeri sebagai langkah untuk mendapatkan semula pinjaman yang diberikan kepada mereka.

Katanya, setiap hutang wajib dibayar dan selepas selesai pembayaran, beliau percaya kerajaan pusat akan menimbangkan permohonan untuk mendapatkan pinjaman baru jika ada.

Beliau berkata semakan juga akan dijalankan sekiranya ada mana-mana agensi yang melintasi kerajaan negeri dalam usahanya mendapatkan pinjaman daripada kerajaan pusat.

Beliau memberi jaminan bahawa arahan akan dikeluarkan kepada agensi-agensi kerajaan supaya mendapatkan kebenaran daripada kerajaan negeri terlebih dahulu sebelum membuat pinjaman daripada kerajaan pusat.

Di MELAKA, Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata Umno Melaka menyokong penuh keputusan Dr Mahathir untuk mempertahankan jawatan Presiden Umno.

Mohd Ali berkata Umno Melaka juga akan mencadangkan supaya tidak ada pertandingan bagi jawatan itu pada pemilihan tahun depan.

"Kita akan cadang supaya tiada pertandingan...penting bagi Perdana Menteri menang tanpa bertanding," katanya kepada pemberita selepas mempengerusi mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri hari ini.

"Kita mahu Dr Mahathir terus berkhidmat kepada parti dan negara," kata Mohd Ali yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri.

Beliau berkata selain jawatan Presiden, adalah diharapkan jawatan timbalan presiden juga tidak akan ditandingi pada pemilihan itu.

-- BERNAMA

MOZ NMO